

Pupuk patriotisme

Menerusi Singgah Mesra Perangsang Selangor

MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM

Program Singgah Mesra Perangsang Selangor yang berlangsung di SMK Seksyen 19 sempena sambutan bulan kemerdekaan dilihat mencapai objektif untuk memupukelemen dan semangat patriotik di kalangan pelajar sekolah berkenaan.

Pengarah Bersekutu Perhubungan Awam, Media & CSR Kumpulan Perangsang Selangor, Mohd Fauzi Ghazali berkata, sambutan yang diterima di kalangan pelajar juga sangat menggalakkan apabila lebih 300 pelajar turut

terlibat dalam aktiviti yang disediakan.

“Ini adalah siri ketiga program Singgah Mesra Perangsang Selangor bersama Sinar Harian dan Genesis, yang mana inisiatif ini kita lakukan untuk lebih dekat dengan rakyat dan membantu mereka kurang berkemampuan.

“Kali ini kita singgah di SMK Seksyen 19, antara sebuah sekolah yang mempunyai pelajar yang paling ramai, kita lakukan beberapa aktiviti sempena bulan kemerdekaan dan sambutan hari Malaysia, antaranya termasuklah nyanyian lagu patriotik, deklamasi sajak serta pertandingan menghias bilik darjah bertemakan kemerdekaan.

“Di samping itu, kita juga ada menyalurkan sumbangan kepada 40 orang pelajar yang kurang berkemampuan selain sumbangan kepada pihak sekolah sendiri,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Hadir sama ke program ialah Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah serta Pengetua SMK Seksyen 19, Roslawati Hashim.

Selain pertandingan nyanyian lagu patriotik dan deklamasi sajak, pelajar juga terlibat dengan aktiviti mengecat dua buah gazebo selain dihiburkan oleh selebriti tempatan iaitu Ewal (AF).

Sementara itu, mengulas lanjut, Mohd Fauzi berkata penganjuran program seumpama ini diharap mampu membentuk jati diri dan karakter positif di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

“Kita nak pelajar-pelajar ini, sebagai bakal pemimpin masa depan, kita mahu mereka mempunyai kebolehan untuk berfikir secara kreatif dan terbuka. Kita tidak mahu pemikiran mereka dijajah oleh anasir-anasir luar yang negatif,” katanya.



Mohd Fauzi (dua, kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang sambil diiringi Nasir dan Roslawati.



Sebahagian pelajar bergambar kenangan bersama kakitangan Kumpulan Perangsang Selangor.



Bekerjasama mengecat dan memberikan nafas baharu kepada fasiliti sekolah.